

Wajib tukar kepada nama bapa kandung

Kuala Lumpur: Kesilapan tertukar bayi dengan keluarga lain sehingga seseorang individu dibin atau dibintikan kepada bapa angkat, dari segi hukum agama wajib ditukar kepada bin atau binti bapa kandung supaya tidak menimbulkan isu berbangkit terutama berkaitan pembahagian pusaka.

Mufti Kelantan Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata ini kerana anak sebenar itu mempunyai hak untuk mendapatkan sumber pusaka yang ditinggalkan oleh bapa kandungnya yang sudah meninggal dunia.

“Memang (wajib) seseorang itu dibin atau dibintikan kepada bapa sebenar, tidak boleh dibinti atau bin kepada bapa angkat, haram kalau dengan sengaja. Dalam kes ini ia ‘tersilap’, jadi apabila tersilap, insya-Allah Tuhan ampunkan.

“Tetapi dari segi penguurusan (Jabatan Pendaftaran Negara), terserahlah...kalau undang-undang kata tak boleh tukar sebab membabitkan sijil misalnya, tidak mengapa, tetapi perlu ada satu catatan ini anak angkat.

“Kalau tidak nanti dia boleh buat tuntutan di mahkamah dan berhak dapat tuntutan pusaka.



Sekarang tidak mengapa kerana damai (tiada perbalahan),” katanya.

Mohamad Shukri berkata demikian sebagai mengulas laporan berkenaan dua keluarga terpaksa mengharungi kisah tragis selepas tiga bayi perempuan termasuk sepasang kembar dilahirkan 20 tahun lalu tertukar dipercayai akibat kecuaiannya kakitangan hospital di Kota Bharu, Kelantan.

Mengulas lanjut, Mohamad Shukri berkata, tidak jadi kesalahan untuk anak tertukar itu terus tinggal bersama keluarga memeliharanya selama ini kerana dia dianggap anak sebenar kerana sudah menyusu daripada ibu keluarga berkenaan.

Sehubungan itu, dari as-

pek hukum aurat adik-beradik susuan adalah sama dengan hukum aurat adik-beradik seibu sebapa, katanya.

Mengenai wali dalam pernikahan, merujuk kepada kes ini yang kedua-duanya sudah kehilangan bapa kandung, Mohamad Shukri menjelaskan pengganti wali terdekat ialah abang atau adik-beradik lelaki kandung.

“Meskipun (Adryana Iwani) sudah tinggal bersama keluarga angkat, wali pernikahan mesti ikut binti bapa yang sebenar, wali asal.

“Andai kata sudah nikah berwalikan bapa angkat atau adik-beradik angkat, tidak jatuh hukum zina, tapi dia mesti angkat lafaz nikah baharu dengan wali asal selepas diketahui hal sebenar,”

katanya.

Bagaimanapun dalam kes ini, semua yang terbabit masih belum mendirikan rumah tangga.

Berkenaan ujian DNA bagi membuktikan tali kekeluargaan seseorang pula, Mohamad Shukri berkata, ia boleh diterima pakai sebagai satu daripada mekanisme untuk menentukan nasab (anak kepada bapa).

Sementara itu, pakar genetik manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Thilakavathy Karupiah berkata, seseorang itu akan mewarisi 50 peratus daripada DNA ibu dan 50 peratus DNA bapa.

“Malah, setiap individu ada profil (corak) DNA berbeza, kecuali kembar seiras,” katanya.

Dr Thilakavathy berkata, keputusan ujian DNA yang tidak boleh dipertikaikan lebih kurang antara 96 peratus hingga 99.99 peratus namun sebarang ujian DNA, ada kebarangkalian yang kecil akan memberi keputusan yang boleh dipertikaikan.

“Keputusan boleh dipertikaikan bukan bermaksud keputusan negatif. Semakin tinggi peratusan, semakin besar kemungkinan individu-individu diuji itu ada tali persaudaraan,” katanya.